

# Kebajikan peniaga kecil diutamakan, jangan berniaga tanpa lesen: Zaliha

**KERAJAAN** sentiasa mengambil berat kebajikan peniaga kecil, namun tidak bermakna mereka boleh mengambil kesempatan dengan berniaga secara haram di bazar Ramadan sekitar ibukota, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa.

“Mereka perlu mematuhi kepada apa yang kita telah gariskan. Maknanya nak membuka Bazar Ramadan perlu ada lesen, perlu mematuhi syarat-syarat yang DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) kenakan.

“Sebanyak 42 lokasi kita wartakan, mereka boleh sebenarnya daripada awal lagi untuk memohon lesen. Jadi, kalau kita dah bagi masa untuk mereka laksanakan tapi mereka tak buat, ini satu yang mengecewakan,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Bazar Ramadan dan Aidilfitri DBKL 2025, di Kuala Lumpur, kelmarin.

Turut hadir Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif dan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak Datuk Seri Dr Wan



**RASMI:** Zaliha (tengah) merasmikan Bazar Ramadan Taman Tasik Permaisuri, kelmarin. Turut hadir Maimunah (dua kanan) dan Wan Azizah (dua kiri). Zaliha dan yang lain seterusnya memantau Bazar Ramadan Taman Tasik Permaisuri di mana pemantauan pada minggu awal Ramadan menyaksikan tahap pematuhan yang baik dalam kalangan peniaga-peniaga di bazar Ramadan. — Gambar Bernama

Azizah Wan Ismail.

Dr Zaliha mengulas mengenai video tular di media sosial yang menunjukkan penguat kuasa DBKL merampas barangan peniaga

bazar Ramadan di Taman Wilayah Selayang dan Majid Jamek kerana berniaga di kawasan tanpa kebenaran, menghalang laluan pejalan kaki dan beroperasi tanpa

lesen.

Sementara itu, Dr Zaliha berkata pematuhan peniaga di bazar Ramadan di bawah pengurusan DBKL setakat ini berada pada tahap yang baik,

tanpa sebarang insiden yang tidak diingini dilaporkan.

Tahun ini, DBKL bekerjasama dengan Bank Muamalat Malaysia Berhad menganjurkan bazar

Ramadan dan Aidilfitri di 42 lokasi sekitar Kuala Lumpur, bermula 2 hingga 30 Mac.

Bagi membantu peniaga, DBKL telah menetapkan kadar sewa yang berpatutan

sebanyak RM500, manakala Bank Muamalat turut menyumbang dengan menaja keperluan perniagaan seperti khemah bersaiz 8'x8', apron dan topi. — Bernama

